

TARIKH	15 JANUARI 2026 (KHAMIS)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	REST INOVASI RAWATAN KANSER MAMPU MILIK		
M/S	21 (GAYA FOKUS)	KATA KUNCI	RADIOTHERAPY, RADIOISOTOPE,
BIDANG	MEDICINE	SAMARIUM – 153, REST, CANCER	

REST inovasi rawatan kanser mampu milik

KANSER kekal sebagai antara cabaran kesihatan awam paling besar di Malaysia dengan statistik menunjukkan penyakit ini menjadi punca kematian ketiga tertinggi negara pada 2023 dan terus mencatat peningkatan sehingga tahun lalu.

Di sebalik kemajuan perubatan, kos rawatan yang tinggi serta akses berketepatan tinggi masih menjadi kekangan utama ramai pesakit.

Ahli fizik perubatan di Universiti Taylor's, Prof. Dr. Yeong Chai Hong menjadikan keprihatinan itu sebagai pemangkin kepada penyelidikan berfokus matlamat utama iaitu menghasilkan rawatan kanser yang berkesan, tepat

dan mampu milik.

"Penjagaan kanser berketepatan tinggi sepatutnya boleh diakses oleh semua pesakit, tanpa mengira latar belakang ekonomi," katanya.

Berbekalkan visi itu, Dr. Yeong bersama pasukan multidisiplin Taylor's University membangunkan dua inovasi saling melengkapi iaitu Terapi RadioEmbolisasi Samarium (REST) dan Rod Holmium-166 Bioterurai untuk menangani pelbagai jenis tumor dan keperluan klinikal.

REST merupakan kaedah radioterapi dalaman invasif minimum yang menyasarkan tumor kecil hingga sederhana melalui aliran darah. Ia menggunakan

Samarium-153, radioisotop kos rendah yang mampu memusnahkan sel kanser secara lebih tertumpu.

Menerusi kaedah ini, mikrosfera biokompatibel yang membawa bahan radioaktif dihantar terus ke tumor melalui saluran darah, sekali gus meminimumkan pendedahan sinaran ke atas tisu sihat di sekeliling.

Kajian praklinikal menunjukkan hasil memberangsangkan dengan pengurangan saiz tumor.

Rawatan ini berpotensi mengurangkan lawatan ke hospital, kesan sampingan dan beban rawatan, terutamanya bagi pesakit kanser tahap lanjut, namun tidak semua tumor sesuai dirawat melalui kaedah vaskular.



YEONG Chai Hong (tengah) bersama rakan penyelidik projek Rod Holmium-166 Bioterurai, **Dr. Wong Yin How (kiri)** dan **Prof. Dr. Basri Johan Jeet Abdullah**, Pakar Radiologi Intervensi di Hospital PJ Integrated Centre of Advanced Surgery and Oncology pada Prototypes for Humanity 2025.